

03 JAN 1997

Hamid-Haji

MALAYSIA DAN ARAB BEKERJASAMA BERI PENERANGAN HAJI

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Kerajaan Malaysia dan Arab Saudi akan bekerjasama dalam memberi penerangan mengenai hukum haji yang sebenar kepada umat Islam dunia bagi menjelaskan bahawa ibadah haji hanya untuk mereka yang berkemampuan daripada segi mental dan fizikal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata definisi kemampuan yang dimaksudkan ialah daripada segi kesihatan mental dan fizikal serta kewangan.

"Persiapan mental perlu dibuat iaitu menerangkan kepada umat Islam bahawa orang yang tidak berdaya (berkemampuan) tidak dianggap salah daripada segi agama," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Haji dari Arab Saudi Dr Mahmud Mohamad Safar di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Hamid berkata, Dr Mahathir telah bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan kerajaan Arab itu dan mengarahkan beliau (Pusat Islam) mengadakan perbincangan seterusnya.

Beliau berkata, langkah itu juga bertujuan mengurangkan bilangan jemaah haji yang kian meningkat tahun demi tahun. Adalah dianggarkan pada tahun 2000, seramai 6 juta orang yang akan menunaikan ibadah berkenaan.

"Bukan kita tidak mengalakkan umat Islam pergi menunaikan haji tetapi negara Arab Saudi menghadapi masalah menampung kesesakan dan tidak mampu lagi untuk memenuhi kehendak jemaah haji," katanya.

Setakat ini, tempat menunaikan sembahyang hanya dapat menampung satu juta orang dan kerajaan Arab Saudi kini sedang membuat persiapan untuk empat juta orang, katanya.

Menurut beliau, kerajaan Arab Saudi meminta bantuan Malaysia menjalankan usaha penerangan itu kerana mereka percaya bahawa Malaysia dapat memberikan keyakinan kepada umat Islam dunia.

Ketika ditanya bentuk penerangan yang akan dijalankan, beliau berkata, "corak penerangan mungkin berbentuk seminar atau perjumpaan yang akan diadakan di institusi Islam dunia seperti Rabitah Alam Islam di Arab dan agensi tertentu dalam Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC).

Sebelum itu, Dr Mahmud turut menjelaskan bahawa kerajaan Arab akan memulakan pembangunan semula di Mekah, Madinah dan Arafah bagi menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada para jemaah.

Ketika ditanya sama ada jumlah kuota bagi Malaysia dapat dinaikkan, beliau berkata, kerajaan Arab Saudi tidak mempunyai kuasa untuk memenuhi kehendak itu kerana negara-negara Islam telah membuat persetujuan mengenai jumlah kuota bagi negara masing-masing pada tahun 1987.

Sehingga kini, kuota bagi rakyat Malaysia menunaikan haji ialah seramai 20,000 orang setiap tahun.

Dr Mahmud yang tiba di sini semalam dijangka pulang hari ini selepas menyampaikan ucapan terima kasih Raja Arab Saudi Raja Fadh kepada Dr Mahathir atas lawatan Perdana Menteri ke negara itu baru-baru ini. --

BERNAMA

WE PR